



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Perutusan

**SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
TAHUN 2021 KEPADA WARGA
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

**YBHG LT JEN DATO' HASAGAYA BIN ABDULLAH
NAIB CANSELOR**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

**Seluruh warga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang
saya hormati dan kasihi sekalian,**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T., atas limpahan rahmat dan kasih sayangNya, pada tahun ini kita dianugerahkan umur yang panjang dan ruang keemasan untuk menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan, penghulu sekalian bulan yang penuh dengan barakah.

Pada tahun ini juga, Madrasah Ramadan yang sedang kita lalui dan hari kemenangan 1 Syawal yang bakal menjelang tentulah berbeza suasannya. Pandemik COVID-19 telah membatasi hasrat kita untuk bertemu ayah ibu serta kaum keluarga tersayang di kampung halaman. Begitu juga, hari lebaran yang penuh dengan tradisi dan kemeriahinan acara ziarah menziarahi, juga terbatas berdasarkan situasi yang tidak mengizinkan demi keselamatan diri dan komuniti kita.

Namun demikian, yakinlah bahawa semua ini adalah pengorbanan kita untuk memutuskan rantai penularan pandemik COVID-19. Dalam masa yang sama, pengorbanan ini demi memastikan ayah ibu yang kita sayangi, serta sanak saudara dan sahabat handai yang kita kasihi terhindar daripada risiko dijangkiti COVID-19. Oleh itu, kita semua hendaklah terus istiqamah dan berperanan sebagai ahli masyarakat yang bertanggungjawab dengan sama-sama mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikuat kuasakan.

Walau apapun cabaran, kita hendaklah mengekalkan tradisi Syawal sebagai bulan kemaafan, bulan untuk menaut erat silaturahim sesama kita. Disebalik keterbatasan yang ada, kita gunakanlah dengan sebaik-baiknya platform teknologi untuk berkomunikasi sebagai tanda kasih dan rindu kita kepada ayah ibu, juga sebagai tanda ingatan kepada ahli keluarga dan sahabat handai di hari mulia nanti. Kepada insan-insan tersayang yang telah pergi terlebih dahulu meninggalkan kita, marilah sama-sama kita panjatkan doa semoga roh mereka dirahmati Allah S.W.T.

Akhir kalam, dengan hati yang tulus ikhlas, saya dan keluarga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UPNM. Dengan ikhlas hati, saya ingin mengajak seluruh warga untuk merapatkan saf silaturrahim, saling bermaaf-maafan, dan saling mengeratkan hubungan persahabatan dengan penuh keikhlasan. Saya juga ingin berpesan kepada seluruh warga untuk sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga di sepanjang cuti perayaan ini. Semoga ukhuwah erat kita seluruh keluarga besar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia akan terus bersemarak dan memacu UPNM yang kita cintai ke arah kecemerlangan berterusan.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin**